

# Pasukan khas pantau ketirisan minyak masak bersubsidi

Yulpisman Asli  
20 September 2019 12:40 AM

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 17 SEPTEMBER 2019

DALAM NEGERI

3

Kerajaan rugi ratusan juta ringgit

## Seludup minyak masak subsidi

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 SEPT.

BUKAN puluh ribu, atau ratusan ribu sebaliknya kerajaan dipercayai mengalami kerugian ratusan juta ringgit setiap tahun akibat ketirisan subsidi minyak masak.

Sebagai rekoed, kerajaan memerlukan sebanyak RM600 juta bagi menampung kos subsidi bahan berkenaan di bawah Skim Penstabilan

Minyak Masak (COSS) tahun ini.

Namun, apa yang berlaku, terdapat segelintir pihak tamak yang didakwa mengaut keuntungan besar menerusi penjualan minyak masak paket satu kilogram yang disubsidi oleh kerajaan.

Menurut sumber, pihak terbabit menjana keuntungan dengan menyeludup bahan

keperluan bersubsidi itu keluar negara.

"Keblasannya mereka ini akan membeli minyak masak peket ini daripada pembungkus yang mempunyai kuota subsidi iaitu pada harga RM2.50 sebelum menjual semula pada harga RM4.00 sekilogram."

"Ini bermakna mereka akan mendapat untung RM1.50 bagi satu kilogram, bayangkan hanya dengan menyeludup 200 tan, mereka boleh meraih untung mencecah RM300,000 sebulan," katanya

kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Peruntukan subsidi kerajaan RM600 juta itu merangkumi sebanyak 60 sen bagi setiap peket satu kilogram minyak masak.

Jelas sumber, ketirisan tersebut amat merugikan kerajaan memandangkan subsidi yang diperuntukkan untuk rakyat dijadikan platform pihak terbabit untuk mengaut keuntungan mudah.

Ditanya modus operandi pihak terbabit, sumber maklumkan, minyak bersubsidi

diciptakan dibeli daripada pembungkus dalam jumlah pulak yang besar.

"Kemudian, mereka akan memotong peket minyak masak satu kilogram untuk dipindahkan ke dalam tong dram bersaiz 200 liter sebelum dihantarkan ke negara jiran."

"Masalah ini perlu dikawal sekali gus dibanteras kerana ia turut akan menjadikan bekalan minyak masak negara, sebab itu ada masa bekalan minyak satu kilogram berkurangan di pasaran tempatan," ujarnya.



Laporan eksklusif *Utusan Malaysia* mengenai penyeludupan minyak masak bersubsidi pada 17 September 2019.

**PUTRAJAYA 19 Sept.** - Bahagian Penguatuasaan (BPGK) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menujuhkan Pasukan Khas untuk memantau isu ketirisan minyak masak bersubsidi.

Menurut Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Muez Abd. Aziz, pasukan itu bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan naziran dokumentasi yang lebih menyeluruh.

Beliau berkata, pasukan khas itu telah berjaya menghasilkan sebanyak 43 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tambah beliau, melalui tindakan-tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan, sebanyak 115 kes membabitkan pelbagai kesalahan melibatkan minyak masak telah dikesan dengan nilai rampasan RM602,376.50 pada 2018, dan sehingga Ogos tahun ini, sebanyak 106 kes dengan nilai rampasan RM12,641,929.33.

"Hasil kerjasama yang baik daripada agensi penguatkuasaan yang lain, sebanyak 44 kes serahan pelbagai agensi luar telah dicatatkan pada 2018 dan 13 kes serahan dicatatkan pada tahun 2019.

"Sebagai mencerminkan keseriusan KPDNHEP dalam menangani ketirisan subsidi ini, sebanyak 10 buah syarikat pembungkus minyak masak telah dikenakan tindakan pembekuan kuota kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan yang serius dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan eksklusif Utusan Malaysia kelmarin yang mendedahkan kegiatan penyeludupan minyak masak subsidi sehingga menyebabkan kerajaan rugi ratusan juta ringgit setiap tahun.

Menurut Muez, BPGK juga telah membangunkan Pelan Tindakan Membanteras Barang Kawalan Bersubsidi Di Sempadan melibatkan empat negeri iaitu Perak, Kedah, Kelantan dan Perlis sebagai panduan untuk memperkuuhkan penguatkuasaan ke atas barang kawalan bersubsidi di sempadan.

Selain itu katanya, pemeriksaan menyeluruh ke atas syarikat pembungkus minyak masak telah dipertingkatkan bagi memastikan syarikat tersebut mematuhi semua perundangan dan tidak melanggar mana-mana perundangan yang dikuatkuasakan.

"BPGK juga telah menyampaikan taklimat kepada pihak industri dengan kerjasama Persatuan-persatuan Kilang Penapis Minyak Masak (PORAM) bagi memberikan kefahaman undang-undang kepada pihak industri bagi mengelakkan mereka melakukan kesalahan," jelasnya.

Beliau berkata, sehingga Julai 2019, terdapat 290 syarikat pembungkus minyak masak yang terlibat dalam skim ini dan jumlah itu berubah dari masa ke semasa bergantung kepada prestasi syarikat-syarikat tersebut.

"Syarikat yang tidak melepas tahap prestasi yang baik akan dinilai semula kedudukan kuotanya.

"KPDNHEP juga mengawalselia pembekalan minyak masak di setiap peringkat rantaian edaran melalui rejim pelesenan barang kawalan. Kaedah ini membolehkan kawalan yang lebih berkesan ke atas pengedaran minyak masak," jelasnya lagi. - UTUSAN ONLINE